

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
[SUNGAI SIPUT]**

SOALAN NO. 124

TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM [SUNGAI SIPUT] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan cadangan bagi menaik taraf Hospital Sungai Siput yang tidak mampu menampung jumlah pesakit terutama di kawasan zon kecemasan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedia maklum akan keperluan untuk menaik taraf Hospital Sungai Siput bagi menampung jumlah pesakit yang semakin meningkat. Sehubungan itu, di dalam RMK11, Hospital Sungai Siput telah diperuntukkan sebanyak hampir RM180,000.00 bagi menaik taraf kemudahan sedia ada termasuk menaik taraf unit hemodialisis, farmasi dan lain-lain. Selain itu, hospital ini juga telah menerima peruntukan sebanyak RM545,514.39 di dalam RMK11 bagi pembelian pelbagai jenis peralatan perubatan dan kenderaan hospital.

Untuk perancangan jangka masa panjang, KKM sememangnya bercadang untuk menaik taraf Jabatan Kecemasan sedia ada. Cadangan menaiktaraf Jabatan Kecemasan ini akan dipohon di dalam RMK12 akan datang

Sekian, terima kasih.